

## MAKLUMAT PENYERTAAN DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN PROGRAM-PROGRAM BAGI PENGISIAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2020

### MAKLUMAT PENYERTAAN

1. Penyertaan adalah **PERCUMA** dan terbuka kepada semua ahli **PUSPANITA**.
2. Borang penyertaan boleh didapati di laman web rasmi **PUSPANITA Kebangsaan**.
3. Borang yang lengkap diisi hendaklah die-melkan kepada:  
[biro.penerbitan.puspanita@gmail.com](mailto:biro.penerbitan.puspanita@gmail.com) .
4. Tarikh penyertaan adalah pada **24 Ogos hingga 16 September 2020**.

### SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

#### **A. PERTANDINGAN MENCIPTA SAJAK JIWA MERDEKA TAHUN 2020**

1. Peserta hendaklah menggunakan Bahasa Melayu dalam penulisan karya.
2. Sajak ini adalah karya asli peserta dan tidak pernah dipaparkan di mana-mana media penulisan yang lain.
3. Karya ini hendaklah mempunyai elemen perpaduan, patriotism dan keharmonian Bangsa dan Negara serta tidak menyentuh isu-isu sensitif serta provokasi.
4. Setiap karya hendaklah tidak melebihi 200 patah perkataan dan tiada had penyertaan ditetapkan.
5. Pemenang yang **BERJAYA** akan dijemput untuk mendeklamasikan karya beliau pada **tarikh yang akan dimaklumkan kelak**.
6. Setiap peserta akan diberikan sijil penyertaan.

7. Hasil karya ini akan digunakan sebagai bahan penerbitan yang dikelola oleh Biro Penerbitan dan menjadi hak milik **PUSPANITA Kebangsaan**.
8. Pemarkahan adalah berdasarkan perkara berikut:

<b>Kriteria Penilaian</b>	<b>Pemarkahan</b>
Kesesuaian tajuk karya	15
Skop dan isi karya	35
Penggunaan kata dan lenggok Bahasa	35
Kreativiti	15
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>100</b>

9. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**. Segala bentuk bantahan tidak akan dilayan.

## **JIWA KITA, JIWA MERDEKA...**

### **B. PERTANDINGAN PENULISAN KREATIF MERDEKA TAHUN 2020**

1. Karya hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.
2. Karya hendaklah sesuai untuk bacaan umum.
3. Karya bertemakan "Malaysia Prihatin" serta mengandungi elemen merdeka dan positif serta tidak menyentuh isu-isu sensitif serta provokasi.
4. Karya yang dihasilkan mestilah karya **ASLI** penulis. Sebarang karya plagiat, terjemahan atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan cetak atau digital terbatal secara **AUTOMATIK**.
5. Setiap peserta hanya dibenarkan untuk menghantar tidak melebihi **TIGA** penyertaan sahaja.
6. Sekiranya karya tersebut mengandungi perbincangan sejarah, karya itu perlu bersandarkan kepada rujukan.
7. Setiap peserta akan diberikan sijil penyertaan.
8. Panjang cerpen adalah di antara 1,500 - 2,000 patah perkataan. Karya perlu bertaip dengan jarak langkau dua baris dan menggunakan saiz 12 jenis Arial. Bilangan patah perkataan dicatatkan pada akhir karya.

9. Pemarkahan adalah berdasarkan perkara berikut:

Kriteria Penilaian	Pemarkahan
Tema	10
Isi Kandungan/ Mesej	40
Gaya Bahasa	40
Kreativiti	10
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>100</b>

10. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**. Segala bentuk bantahan tidak akan dilayan.

## CERITA PENDEK MERDEKA KITA...

### C. PERTANDINGAN *DOODLES* MERDEKA TAHUN 2020

1. *Doodles* bertemakan "Malaysia Prihatin" serta mengandungi elemen merdeka dan positif serta tidak menyentuh isu-isu sensitif serta provokasi.
2. *Doodles* ini adalah karya asli peserta dan tidak pernah dipaparkan di mana-mana media penulisan yang lain.
3. *Doodles* mestilah dihasilkan menggunakan tangan di kertas putih bersaiz A4 (ukuran *portrait* dengan 297mm tinggi x 210mm lebar). *Doodles* hendaklah dilukis dengan menggunakan pen atau *marker* berdakwat biru atau hitam sahaja.
4. Penggunaan perisian seperti *Photoshop*, *Illustrator* dan lain-lain adalah dilarang sama sekali.
5. Setiap peserta akan diberikan sijil penyertaan.
6. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan, namun setiap peserta hanya layak menerima satu hadiah sahaja, jika terpilih. Setiap penyertaan juga akan menjadi hak milik PUSPANITA Kebangsaan.

7. Pemarkahan adalah berdasarkan perkara berikut:

Kriteria Penilaian	Pemarkahan
Tema	25
Gubahan / Komposisi / Olahan	25
Ilustrasi	20
Kreativiti	15
Kekemasan	15
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>100</b>

8. *Doodles* yang terhasil bersama-sama borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar secara serahan tangan atau melalui pos kepada alamat berikut:

Biro Penerbitan  
PUSPANITA Kebangsaan  
Aras 2, Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
(u.p: Puan Noor Zanariah binti Mardi)

9. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**. Segala bentuk bantahan tidak akan dilayan.

## **DOODLES MERDEKA CERIA...**

### **D. PERTANDINGAN TIKTOK MERDEKA FAMILY CHALLENGE TAHUN 2020**

1. Peserta hendaklah membuat video menggunakan aplikasi *TikTok* dengan tidak melebihi durasi 1 minit.
2. Video ini adalah karya asli peserta dan tidak pernah dipaparkan di mana-mana media penulisan yang lain.
3. Video ini memaparkan ahli PUSPANITA bersama ahli keluarga dan bertemakan Hari Kebangsaan serta tidak menyentuh isu-isu sensitif serta provokasi.
4. Video berkenaan mestilah sesuai untuk ditonton oleh semua lapisan umur dan masyarakat.
5. Gunakan #puspanitakebangsaan #MalaysiaPrihatin iaitu tema Hari Kebangsaan Tahun 2020 sebagai *caption* video berkenaan.

6. Setiap peserta akan diberikan sijil penyertaan.
7. Hasil video ini akan disimpan dan digunakan bagi aktiviti-aktiviti yang dikelolakan oleh Biro Penerbitan dan menjadi hak milik PUSPANITA Kebangsaan.
8. Pemarkahan adalah berdasarkan perkara berikut:

Kriteria Penilaian	Pemarkahan
Isi kandungan dan mesej video	50
Kreativiti	50
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>100</b>

9. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**. Segala bentuk bantahan tidak akan dilayan.

## AYUH TIKTOK MERDEKA...

### E. PERTANDINGAN ASPIRASI MERDEKA JAWI TAHUN 2020

1. Peserta perlu menterjemah rekod merdeka bertulisan jawi yang disediakan oleh Urus setia Pertandingan mengenai Pemasytuhan Kemerdekaan/ Suratkhbar Jawi 1957 ke dalam tulisan rumi.
2. Format ejaan rumi diambil kira mengikut standard Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
3. Setiap peserta dibenarkan menghantar **SATU** penyertaan sahaja.
4. Setiap peserta perlu melengkapkan slogan berikut:

**“Tema Hari Kebangsaan 2020 Malaysia Prihatin amat bermakna bagi saya kerana..... (tidak lebih daripada 10 patah perkataan)”**

5. Setiap peserta akan mendapat sijil penyertaan.
6. Pemarkahan adalah berdasarkan perkara berikut:

Kriteria Penilaian	Pemarkahan
<b>a) Kualiti terjemahan</b>	<b>60</b>
i) Ketepatan terjemahan	40
ii) Gaya bahasa ejaan rumi yang <i>standard</i>	20
<b>b) Slogan yang kreatif dan patriotik</b>	<b>40</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>100</b>

- Keputusan juri adalah **MUKTAMAD**. Segala bentuk bantahan tidak akan dilayan.

## JOM SEMARAK JAWI...

### F. PERTANDINGAN KILAUAN MERDEKA TAHUN 2020

- Penyertaan adalah dibuka kepada ahli **PUSPANITA** untuk mewakili Kementerian dan Jabatan masing-masing.
- Pertandingan terdiri daripada kategori solo, duo dan berkumpulan (4 orang).
- Tema nyanyian terdiri daripada lagu-lagu patriotik dalam Bahasa Malaysia sahaja.
- Durasi video persembahan setiap peserta hanya diperuntukkan maksimum 3-5 minit untuk mempersembahkan lagu mereka.
- Pihak penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak menepati syarat pertandingan.
- Pemarkahan adalah berdasarkan perkara berikut:

<b>Kriteria Penilaian</b>	<b>Pemarkahan</b>
Vokal	35
Gaya persembahan	25
Tempoh/rentak	25
Sebutan	15
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>100</b>

- Pemenang bagi setiap kategori akan dijemput untuk membuat persembahan pada **tarikh yang akan dimaklumkan kelak**.
- Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**. Segala bentuk bantahan tidak akan dilayan.

## SINAR KILAU MERDEKA...



## BORANG PENYERTAAN

Biro Penerbitan dan Seranta  
PUSPANITA Kebangsaan

Puan,

### **PENYERTAAN PERTANDINGAN SEMPERNA PROGRAM-PROGRAM SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2020**

- (i) **Nama Penuh** : .....
- Ahli Cawangan**  
**Kementerian/Negeri** : .....
- Pekerjaan** : .....
- Nama Pertandingan** : .....
- No. Telefon Bimbit** : .....
- E-mel** : .....

Sila kembalikan **borang ini berserta karya/video** sebelum atau pada **16 September 2020 (Rabu)** melalui e-mel kepada [biro.penerbitan.puspanita@gmail.com](mailto:biro.penerbitan.puspanita@gmail.com) .

Sekian, terima kasih.